



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak	
	- Selepas Konfrantasi Sukarno	
	- Mencari Tanah Leluhur	
	- Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir	
	- Timbalan Menteri Besar	
	- Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda	
	- Akhbar Suara Rakyat	
	- Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan	
	- Pertubuhan Nasrul Haq	
	- Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA	
	- Kontroversi Tokoh Belia	
	- Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara	
	- Selepas Tidak Jadi Menteri	
	- Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh	
	- Langkah Sama Menapak	
	- Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan	
	- Pengerusi Kraftangan Malaysia	
	- Sensitif Seorang Penulis	
	- Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar	
	- Senario Pilihanraya 1982	
	- Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan	
	- Dilipat Sebesar Kuku	
	- Senario Alaf Baru	

Kesinambungan Perjuangan



"KALAU nak buat perubahan biarlah dari dalam, kalau nak buat perubahan dari luar hanya sia-sia saja, kerana orang Melayu tetap sayangkan Umno," beritahu Tan Sri A Samad kepada dua orang pemimpin belia yang keras mengkritik kerajaan ketika mereka bertemu di Mekah tahun 1976. Pada masa itu Tan Sri A Samad baru sahaja dilantik menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan manakala dua pemimpin belia itu sama-sama menunaikan umrah apabila mereka bertemu. Tan Sri A Samad memang mengenali mereka kerana dari segi usia, mereka berdua bolehlah dianggap seperti anaknya juga.

Dua pemimpin belia itu pula baru sahaja terbabit dalam isu 'Baling', malah pernah menyerbu ke rumah Tan Sri A Samad di Lorong Gurney (Lorong Semarak) sewaktu beliau Timbalan Menteri Dalam Negeri pada malam ramai aktivis ditahan polis berikutan tunjuk perasaan pelajar. Bagaimanapun mereka yang terbabit dalam tunjuk perasaan itu telah diingatkan oleh Tan Sri A Samad supaya tidak salahkan polis kerana *'kalau tangan berani mencincang, maka bahu mestilah sanggup memikul; kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai'*. "Kalau mahu jadi pejuang mesti sanggup menempuh dugaan pahit getir," jelasnya spontan.

Pertemuan di Mekah itu dijadikan satu kesempatan terbaik kepada dua pemimpin belia berbincang dengan Tan Sri A Samad. Sebaliknya mereka terkejut apabila dipelawa oleh Tan Sri A Samad supaya menyertai Umno jika mahu membuat perubahan dalam kerajaan. "Buatlah perubahan dari dalam, kerana nak buat perubahan dari luar sia-sia sahaja, orang Melayu masih sayangkan Umno," beliau menegaskan. Dua pemimpin belia berkenaan tidak memberi sebarang respons kerana menyangka Tan Sri A Samad sekadar bergurau.

Tetapi beberapa tahun kemudiannya, dua pemimpin belia itu menyertai Umno malah diberi tugas memegang jawatan penting dalam

kerajaan. Mereka diberi ruang bagi membuat perubahan demi memperbaiki taraf hidup orang Melayu yang mereka perjuangkan semasa di dalam pergerakan belia. Itulah yang berlaku kepada dua pemimpin belia yang pernah menemui Tan Sri A Samad semasa di Mekah tahun 1976 iaitu Anwar Ibrahim (Datuk Seri) dan Ibrahim Ali (Datuk Paduka) yang menjadi pemimpin ABIM.

Sikap terbuka Tan Sri A Samad tidak memusuhi mereka yang mengkritik kerajaan ini sudah menjadi amalan semenjak di Negeri Sembilan lagi. Beliau berpegang kepada prinsip '*Yang tua dituakan; yang muda dikasihi*' dalam memberi ruang untuk kalangan pemimpin muda menjadi pelapis. Di samping itu beliau juga yakin di dalam perjuangan politik bukan perkara luar biasa sekiranya berlaku '*musuh hari ini boleh menjadi kawan esok hari; kawan hari ini boleh menjadi musuh esok hari*'.

Penyertaan mereka yang pernah menjadi pengkritik ke dalam Umno bukanlah fenomena baru, tetapi sudah diamalkan oleh Tunku Abdul Rahman sebelumnya. Aziz Ishak misalnya adalah pengkritik kuat Umno, malah bertanding dalam pilihanraya majlis perbandaran Kuala Lumpur tahun 1952 tetapi kalah. Beliau kemudiannya dibawa menyertai Umno, terus dipilih menganggotai kabinet Tunku yang pertama selepas memenangi pilihanraya 1955. Aziz kembali menentang Tunku dalam isu kilang bajang uria dan penubuhan Malaysia dalam tahun 1962 yang menyebabkan beliau keluar meninggalkan Umno.

Dato' Cik Muhammad Yusuf (C M Yusuf) di Perak dan (Tan Sri) Nik Ahmad Kamil di Kelantan juga menentang Umno dalam pilihanraya 1955, tetapi dibawa semula menyertai Umno. C M Yusuf dilantik menjadi Speaker Dewan Rakyat, manakala Nik Ahmad Kamil menjadi ahli Parlimen dalam pilihanraya 1959, seterusnya dipilih selaku Timbalan Speaker Dewan Rakyat. Di Selangor (Dato') Mohd Nazir bin Abdul Jalil calon Parti Negara dalam pilihanraya 1959 di DUN Kajang, dipilih menjadi calon Umno pula dalam pilihanraya 1964.

Di Negeri Sembilan, Dr Sulaiman bin Mohd Attas pernah bertanding di DUN Tampin menentang calon Umno (Dato') Mohd Taha Talib dalam pilihanraya 1964, tetapi menjadi calon Umno pula dalam pilihanraya 1969 bagi kawasan parlimen Rembau-Tampin. Malah Mohd Taha yang menjadi Ketua Umno Bahagian Rembau-Tampin ketika itu memberi laluan kepada orang yang pernah

menentanginya untuk bertanding di kerusi parlimen. Politik yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai '*art of impossible*' ini memang sukar diramalkan.

Justeru penyertaan Anwar Ibrahim ke dalam Umno menjelang pilihanraya 1982 itu bukanlah perkara yang luar biasa kepada Tan Sri A Samad, malah beliau sudah menjangka lebih awal lagi. Sekali pun beliau tidaklah kenal rapat sangat dengan ayah Anwar, tetapi Tan Sri A Samad tahu mengenai latar belakangnya sebagai anak pemimpin Umno di Pulau Pinang iaitu (Dato') Ibrahim Abdul Rahman. Sebelum kalah dalam pilihanraya 1969, Dato' Ibrahim adalah Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan.

Ketika Anwar Ibrahim memegang jawatan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Tan Sri A Samad pernah menemuinya. Dalam pertemuan itu Anwar mengakui berhadapan dengan masalah yang rumit apabila berada di dalam kerajaan, kerana terpaksa menjaga kepentingan semua pihak. Semasa menjadi pengkritik memang bebas mengeluarkan apa sahaja pendapat dengan tidak menghiraukan kepentingan mana-mana pihak, tetapi apabila memegang tanggungjawab dalam kerajaan setiap tindakan perlu memelihara kepentingan semua pihak di negara ini.

"Susahlah Tan Sri apabila dah ada tanggungjawab ni, nak kena jaga kepentingan semua pihak, tak boleh nak buat macam di luar kerajaan dulu," beritahu Anwar Ibrahim sewaktu bertemu di pejabatnya. "Baru you tahu beratnya tanggungjawab jadi menteri, saya dah merasa pahit maungnya, sekarang you kenalah pikul tanggungjawab tu," sahut Tan Sri A Samad selepas Anwar Ibrahim mengakui beratnya tanggungjawab perlu dipikul apabila memegang jawatan menteri.

Tan Sri A Samad melepaskan jawatan menterinya dalam bulan Oktober 1980, selepas rombakan kabinet (Tun) Hussein Onn. Beliau bersama Tan Sri Abdul Kadir Yusuff dan Tan Sri Hamzah Abu Samah digugurkan, bagi membolehkan kalangan pemimpin muda mengisi jawatan kabinet. Dalam rombakan kabinet itu, Naib Ketua Pegerakan Pemuda Umno, Dato' Mokhtar Hashim dilantik menjadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menngambil alih tempat yang dikosongkan oleh Tan Sri A Samad.

Pemilihan pemimpin-pemimpin pelapis menyertai kabinet adalah memberi ruang kepada mereka dalam kesinambungan perjuangan. Berita mengenai ura-ura Tan Sri A Samad akan

mengosongkan kerusi kabinet memang sudah didengar awal sebelum rombakan tersebut dibuat. Setiausaha Akhbarnya, (Dr) Drs Suleiman sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa orang rakan bagi mempertahankan kedudukan Tan Sri A Samad supaya tidak terbabit dalam rombakan kabinet tersebut. Telegram akan dihantar secara beramai-ramai mendesak Dato' (Tun) Hussein dan Dato' Seri Dr Mahathir supaya kedudukan Tan Sri A Samad dikekalkan sehingga pilihanraya 1982.

Telegram Seluruh Negara

Memang sudah dibayangkan oleh Drs Suleiman mengenai rombakan kabinet pada Oktober 1980 membabitkan kedudukan Tan Sri A Samad. Pemandu keretanya dikenali Mat juga beritahu fasal emak Tan Sri A Samad sendiri bertanya mengenai kedudukannya, tetapi beliau menafikan terbabit dalam rombakan tersebut. Drs Suleiman dapat mengagak Tan Sri A Samad terbabit dalam rombakan kabinet, apabila (Tun) Ghafar Baba datang menemui beliau di pejabat. Kalau tidak berkaitan perkara penting, tidak pernah Tun Ghafar datang ke pejabat Tan Sri A Samad sebelumnya, seperti diberitahu oleh Drs Suleiman.

Tetapi Tan Sri A Samad memang kuat menyimpan rahsia, justeru beliau tidak mahu menjelaskan kedudukannya kepada sesiapa pun termasuk emaknya sendiri. Apabila didesak oleh emaknya supaya memberitahu sama ada kedudukan beliau kekal di dalam kabinet atau tidak, Tan Sri A Samad enggan menerangkan apa-apa. "Saya tak terbabit dalam rombakan ni, kerana perkara rombakan kabinet ni biasa sahaja, apabila Perdana Menteri perlu buat macam tu, dia akan lakukan," ujar Tan Sri A Samad.

Ketika itu media membuat spekulasi tiga orang menteri Umno akan digugurkan dalam rombakan kabinet tersebut, tetapi nama Tan Sri A Samad tidak terbabit. Spekulasi ketika itu meramalkan Tan Sri Hamzah Abu Samah (Undang-Undang dan Peguam Negara), Tan Sri Kadir Yusuff (Kemajuan Tanah dan Pembangunan Koperasi) dan Tan Sri Shariff Ahmad (Pertanian) yang disebut-sebut akan terbabit. Tetapi Drs Suleiman kuat mengesyaki kedudukan Tan Sri A Samad terbabit selepas kunjungan Tun Ghafar ke pejabatnya itu.

Sepanjang suasana spekulasi mengenai rombakan kabinet itu menjadi ramalan pihak media, Dr Nordin Selat (Setiausaha Politik Tan

Sri A Samad) jarang berada di pejabat. Kalau beliau di pejabat biasanya ada sahaja gurauan, terutama Cik Wan (Setiausaha Sulit Tan Sri A Samad) yang menjadi sasaran usikannya. Sekali-sekali Dr Nordin akan mengusik penulis dengan memanggil 'khadam taukeh', malah beliau mengesyorkan kepada penulis supaya mendesak Tan Sri A Samad membawa bersama melawat ke luar negeri.

"Tak semestinya kaki tangan kementerian aje, kalau tauke nak masukkan nama *you* untuk melawat ke luar negeri, perkara tu mudah aje," beritahu Dr Nordin. Sikapnya yang suka bergurau itu, memang tidak menghiraukan sama ada kawan-kawan tersinggung atau tidak. Bagaimana pun hubungan penulis lebih rapat dengan Drs Suleiman ketika itu, disebabkan penulis banyak berurusan dengan beliau apabila membuat teks ucapan atau kertas kerja Tan Sri A Samad. Malah ketika Tan Sri A Samad menyuruh hubungi penulis, memang Drs Suleiman yang dimintanya berbuat demikian.

Dalam isu rombakan kabinet itu, Drs Suleiman menemui penulis di pejabat Nasrul Haq bagi membincangkan langkah yang perlu dibuat, kerana beliau yakin Tan Sri A Samad akan digugurkan. Kapten Manap Yaakob (Allahyarham, pegawai latihan di Dusun Tua yang dipinjamkan bagi mentadbir pejabat Nasrul Haq) ikut sama dalam perbincangan tidak rasmi itu. Penulis yang dilantik menjadi Penolong Setiausaha Agung Nasrul Haq ketika itu bersetuju meminta ahli-ahli Nasrul Haq menghantar telegram kepada Tun Hussain merayu supaya dipertimbangkan kedudukan Tan Sri A Samad.

"Kalau Dato' (Tan Sri A Samad) digugurkan, dia bukan ada apa-apa harta, setakat yang saya tahu dia menteri yang miskin, kita perlu desak Dato' Hussein jangan gugurkan Dato'" ujar Drs Suleiman. Ketika ditanyakan kepada Tan Sri A Samad sama ada wajar atau tidak meminta ahli-ahli Nasrul Haq menghantar telegram kepada Tun Hussein, beliau tidak menyuruh dan tidak juga melarang. Justeru penulis bersama Kapten Manap membuat keputusan sendiri untuk pergi ke negeri-negeri mengatur penghantaran telegram berkenaan.

Destinasi pertama ke Chenor di Pahang menemui Pengerusi Nasrul Haq negeri Pahang Ustaz Mahmud (ADUN Chenor ketika itu), tetapi beliau tidak ada di rumah. Memang rumah beliau juga bertutup menunjukkan tiada seorang pun penghuninya berada di rumah pada masa itu. Seterusnya penulis bersama Kapten Manap ke Dungun menemui Pengerusi Nasrul Haq negeri Terengganu, Cikgu Hanafi.



Pasukan badminton Pemuda UMNO Kuala Pilah, masih menggunakan gelanggang kampung.



Bersama ipar lamai dan bapa mertua, Khatib Hussain (duduk di tengah) yang mempertahankan Tan Sri A. Samad (berdiri, kanan) apabila dimurkai kerabat diraja.

Beliau ditemui di pejabat jabatan kebudayaan belia dan sukan daerah Dungun, setelah Kapten Manap menghubungi pegawai berkenaan meminta Cikgu Hanafi menunggu di situ.

Cikgu Hanafi bersetuju mengiriskan telegram kepada Tun Hussein dan Dato' Seri Dr Mahathir merayu kedudukan Tan Sri A Samad dikekalkan sehingga pilihanraya umum 1982. Dalam perjalanan untuk ke Kota Bharu menemui Pengerusi Nasrul Haq negeri Kelantan, Cikgu Muhd Noor Omar, penulis berasa tidak berapa sihat. Justeru Kapten Manap terpaksa menelefon Cikgu Muhd Noor di Kota Bharu dan Ustaz Mahmud di Chenor bagi meminta mereka membuat kiriman telegram yang serupa.

Dalam tempoh dua hari sahaja di Pantai Timur, kami terpaksa berpatah balik apabila penulis dalam keadaan tidak berapa sihat. Misi seterusnya Kapten Manap menelefon sahaja ke Kedah meminta Haji Safirul Hashim dan Encik Abu Bakar Abdullah mengiriskan telegram, Encik Badaruddin Othman di Pulau Pinang, Cikgu Md Zain di Rembau, Negeri Sembilan, Encik Hud di Kluang, Johor, Encik Rahmat Jantan di Melaka dan Encik Ismail Raof di Parit Buntar, Perak. Sementara itu bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan diuruskan oleh Drs Suleiman sendiri.

Sekali pun Kapten Manap menasihatkan penulis menemui doktor ke klinik sebaik sahaja sampai di rumah jam 3.00 petang hari Isnin terbabit, tetapi penulis perlukan berihat terlebih dahulu sebelum ke klinik. Kira-kira jam 4.30 petang Dato' (Tun) Hussein sudah membuat pengumuman rombakan kabinet iaitu lebih awal daripada yang dijangkakan. Senarai menteri kabinet yang diumumkan ternyata nama Tan Sri A Samad digugurkan, tempat beliau sebagai Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan diambil alih oleh Dato' Mokhtar Hashim.

Seminggu selepas rombakan kabinet ketika bertemu di pejabat Nasrul Haq, Drs Suleiman memberitahu memang Tan Sri A Samad sendiri menawarkan diri meletakkan jawatan, selepas salah seorang menteri yang sepatutnya digugurkan berkeras tidak mahu berbuat demikian. Bagi mengelakkan berlaku kekecohan, Tan Sri A Samad bersedia menawarkan diri untuk meletakkan jawatan itu. Apabila penulis beritahu Baharuddin Othman (Pengerusi negeri Pulau Pinang) mengenai situasi berkenaan, beliau amat marah di samping tidak berpuas hati dengan tindakan Tan Sri A Samad mengalah.

“Kalau Dato’ tak mahu pertahankan kedudukannya, buat apa susah-susah suruh kita semua hantar telegram, lebih baik semua pakat diam aje, bukankah bagus!” Badaruddin meluahkan rasa marahnya sewaktu bertemu dalam satu kursus yang dianjurkan Nasrul Haq selepas itu. Bagaimana pun penulis tidak menyahut apa-apa disebabkan menyedari beliau dalam keadaan marah. Cikgu Hanafi Embong (Allahyarham, Pengerusi negeri Terengganu) yang hadir dalam kursus itu tidak menyalahkan usaha penulis bersama Kapten Manap meminta ahli-ahli menghantar telegram, kerana ianya sebahagian daripada ikhtiar sahaja.

Selepas Tidak Menjadi Menteri

Kursus anjuran Nasrul Haq masih diteruskan di bawah pengawasan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, sekali pun Tan Sri A Samad tidak lagi menjadi menteri. Kegiatan yang disalurkan di bawah program ‘Belia Harapan’ dijalankan mengikut jadual seperti ditetapkan sebelum itu. Ceramah yang dititikberatkan ialah ekonomi daripada perbadanan kemajuan negeri-negeri, agama daripada jabatan agama Islam, keselamatan dalam negeri daripada jabatan polis dan pendidikan serta pembangunan sosial daripada jabatan kebudayaan, belia dan sukan.

Latihan jasmani diadakan untuk peserta-peserta kursus dengan senaman ‘jurus’ yang ditohmah oleh banyak pihak sebagai ‘ajaran sesat’. Senaman ‘jurus’ ini jelas merupakan latihan jasmani, sama seperti senaman yang diamalkan oleh orang tua-tua dahulu bagi kesihatan diri sendiri berkaitan dengan mental dan fizikal. Kursus yang dianjurkan oleh Nasrul Haq dibahagi kepada tiga zon iaitu zon tengah meliputi Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor diadakan di Kuala Lumpur.

Zon timur mengandungi Kelantan, Terengganu dan Pahang diadakan di Kem Kijang, Kota Bharu di Kelantan. Sementara itu zon utara termasuk Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak diadakan di Batu Uban, Pulau Pinang. Dalam beberapa siri kursus yang dijalankan memang berlaku beberapa kejadian yang mencemaskan, melucukan dan menggembirakan. Antara yang melucukan ketika Kapten Manap menunjukkan tiket untuk penerbangan ke Kuala Terengganu, beliau telah dimarahi oleh Tan Sri A Samad apabila menyerahkan tiket yang tertulis nama sebenar penulis.

“Ini tiket siapa pula ni, saya tak kenal orang ni,” gerutu Tan Sri A Samad menyebabkan Kapten Manap tersengih-sengih. Setelah diberi penjelasan oleh Kapten Manap nama yang tertera pada tiket penerbangan itu adalah sebenar penulis, barulah Tan Sri A Samad sedar berlaku kekeliruan. Sepanjang beliau mengenali penulis memang tidak pernah Tan Sri A Samad memanggil nama yang sebenar, disebabkan beliau lebih senang dengan nama pena penulis. Perjalanan ke Terengganu itu Kapten Manap memandu kereta sendiri, sementara penulis bersama Tan Sri A Samad menaiki pesawat.

Semasa di dalam pesawat Focker untuk ke Kuala Terengganu penulis mendengar seorang peniaga rancak berbual dengan Tan Sri A Samad mengenai kemalangan udara yang jarang berlaku, berbanding dengan kemalangan jalanraya yang meragut nyawa manusia setiap hari. “Tak perlu takut menaiki kapalterbang, kerana dalam masa lima tahun sekali pun jarang kita dengar kemalangan udara,” ujar peniaga itu. Bagaimanapun penulis melihat Tan Sri A Samad sekadar mengangguk-angguk kepala perlahan.

Sebaik sahaja pesawat berada di udara Kuala Terengganu, cuaca tiba-tiba bertambah buruk. Kapten pesawat meminta semua penumpang mengenakan tali pinggang keselamatan apabila beberapa kali keadaan pesawat bergegar kuat seolah-olah kereta melalui jalan berlubang-lubang. Ketika itu penulis mendapati semua penumpang senyap sepi termasuk juga peniaga yang sebelumnya rancak berbual dengan Tan Sri A Samad. Lebih setengah jam pesawat berligar-ligar dengan melihat awan hitam sahaja di luar, memang keadaan benar-benar mencemaskan.

Setelah pesawat selamat mendarat dalam cuaca hujan, barulah semua penumpang menarik nafas lega. Semasa dalam perjalanan ke Dungun menaiki kereta apabila terlewat daripada jadual yang ditetapkan Tan Sri A Samad memberitahu mengenai peniaga yang bercakap seolah-olah tidak bimbang dengan mala petaka di udara, tiba-tiba senyap seperti tikus jatuh ke beras dalam saat-saat mencemaskan itu. “Kalau dengarkan boraknya sekepek, tapi hati pengecut sampaikan nampak macam putus engap,” Tan Sri A Samad memberitahu dalam loghat Negeri Sembilan yang pekat.

Sewaktu di Kota Bharu dalam bulan November 1981 itu, Tan Sri A Samad tertarik hati memperkatakan beberapa persamaan yang terdapat di antara masyarakat di Kelantan dan di Minangkabau. Ternyata

beliau prihatin dengan apa yang dilihatnya semasa berkunjung ke Kelantan bagi menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Nasrul Haq. Pengerusi Nasrul Haq negeri Kelantan Cikgu Muhd Noor Omar yang juga Setiausaha Umno Bahagian Pengkalan Chepa ketika menghantar kami ke lapanganterbang mengakui terdapat beberapa persamaan sosio budaya masyarakat Kelantan-Minangkabau.

Kecenderungan masyarakat Minangkabau menyertai sektor perniagaan hanya terdapat di kalangan orang Kelantan, tetapi tidak di Negeri Sembilan yang dikaitkan dengan tatacara hidup orang Minangkabau. Mereka sama-sama mahir dalam bidang tenunan kain, tukang emas, tukang songkok dan menguasai perniagaan di pasar-pasar. Dialek mereka juga sama apabila menyebut 'ambo' untuk 'saya', 'pitih' untuk 'wang', 'kecek' untuk 'bercakap' dan lain-lain yang masih belum dikaji secara menyeluruh. Segala persamaan tersebut tidak terdapat di antara Negeri Sembilan-Minangkabau, sebaliknya saling lengkap melengkapi antara Kelantan-Minangkabau.

Sekali pun perbualan tersebut berlaku secara spontan sementara menunggu jadual penerbangan, tetapi Tan Sri A Samad begitu sensitif apabila melihat masyarakat Melayu gigih dalam bidang perniagaan kecil-kecilan hingga kepada bidang korporat. Beliau kagum dengan masyarakat Kelantan yang berjiwa peniaga sama seperti masyarakat Minangkabau.

"Di Negeri Sembilan hanya dipengaruhi Adat Perpatih sahaja, tidak dipengaruhi oleh semangat dan kegigihan orang Minangkabau berniaga," kata Tan Sri A Samad seolah-olah kecewa dengan pencapaian orang Negeri Sembilan dalam bidang perniagaan.

Bagaimana pun menjelang tahun 2000 sudah semakin ramai anak Negeri Sembilan membabitkan diri dalam bidang perniagaan termasuk pembinaan, pembuatan, farmasi malah peniaga-peniaga kecil. Adik beliau sendiri (Dato' Mohd Sidik Idris) merupakan seorang peniaga Melayu yang berjaya di Negeri Sembilan, di samping aktif dalam kegiatan Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan. Peniaga-peniaga Melayu semakin berkembang di tiap-tiap daerah di Negeri Sembilan, setelah peluang perniagaan di samping menyediakan gerai-gerai oleh pihak berkuasa tempatan dilaksanakan.

Peristiwa melucukan berlaku juga ketika Nasrul Haq menganjurkan kursus di Batu Uban, Pulau Pinang. Penulis diberitahu oleh Pengerusi Nasrul Haq negeri Pulau Pinang Encik Badaruddin

mengenai mereka cuba bergurau dengan Penasihat Nasrul Haq, Bapak Muchtar Lintang (bekas professor UKM, Allahyarham) ketika makan tengah hari. Selepas makan nasi beriani di sebuah restoran, Encik Badaruddin memesan mi goreng untuk Bapak Muchtar. Kemudian memesan lagi pasembur, dan lain-lain makanan ringan. Semua makanan yang dipesan habis dimakan oleh Bapak Muchtar dengan tidak bersisa.

Memang rakan-rakan di Pulau Pinang berasa lucu dengan kesediaan Bapak Muchtar menghabiskan semua makanan yang dipesan, tetapi tidak menyangka mereka sengaja mahu menguji keistimewaan beliau. Malah Bapak Muchtar sanggup menjamah seberapa banyak pun makanan yang dihidangkan di hadapannya. Apabila penulis beritahu kepada Tan Sri A Samad, beliau semacam tidak percaya kerana tidak mungkin Bapak Muchtar seorang yang kuat makan dalam usianya 64 tahun ketika itu.

Di samping kejadian melucukan semasa kursus Nasrul Haq dijalankan, pernah juga berlaku keadaan cemas apabila dibuat bagi zon tengah. Disebabkan Tan Sri A Samad tidak dapat memberikan ceramah kerana ada urusan lain sewaktu beliau masih lagi menjadi menteri kabinet, beliau telah meminta penulis dan Drs Suleiman menggantikannya. Drs Suleiman pula meminta penulis membacakan teks kertas kerja Tan Sri A Samad, apabila kami berdua tidak membuat apa-apa persediaan bagi menyampaikan ceramah.

Sebaik sahaja penulis selesai menyampaikan teks kertas kerja tersebut, seorang peserta daripada Tampin tiba-tiba macam diserang histeria apabila kecewa dengan nasib bangsa Melayu di bandar-bandar terutama pencapaian mereka dalam bidang ekonomi dan pendidikan. Penulis dan Drs Suleiman tidak berganjak di tempat duduk akibat tergamam, apabila peserta berkenaan menerpa ke pintu dewan ceramah mahu bertindak mengikut perasaan. Jurulatih Nasrul Haq yang dikenali dengan panggilan Pak Mail (Haji Ismail Ibrahim, Allahyarham) bersama beberapa orang rakan membawanya ke bilik pejabat bagi memujuk dan menenangkan peserta tersebut.

Kejadian yang mencemaskan itu berlaku disebabkan teks kertas kerja Tan Sri A Samad dibacakan, menyebabkan peserta terbabit diganggu histeria. Peserta itu benar-benar tidak dapat menahan perasaan kecewa apabila nasib orang Melayu di bandar-bandar ketika itu jauh ketinggalan. Bagaimana pun Drs Suleiman dan penulis sama-sama berjanji tidak akan menyampaikan kejadian tersebut kepada

pengetahuan Tan Sri A Samad, apabila salah seorang peserta kursus diserang histeria selepas sahaja mendengar teks kertas kerja beliau.

Kembali Menjadi Penulis

Tan Sri A Samad meneruskan tugasnya selaku ahli Parlimen Jelevu, selepas tidak lagi menjadi menteri kabinet. Disebabkan Nasrul Haq tetap bergerak aktif, beliau sering juga berkunjung ke pejabat Nasrul Haq di Jalan Pekeliling (Jalan Tun Razak), di samping meminta penulis menyemak artikelnya sebelum dihantar ke akhbar Mingguan Malaysia. Justeru beliau kerap kali mengajak penulis keluar ke mana-mana bagi mengisi masanya yang banyak terluang.

Ketika itu beliau sudah tidak mempunyai pemandu kereta lagi, maka terpaksa beliau memandu sendiri. Pernah satu ketika beliau berpesan kepada Pak Mail di rumah Nasrul Haq mahu bertemu penulis. Mungkin cara Pak Mail menyampaikan pesanan itu seolah-olah Tan Sri A Samad terlalu mustahak sangat mahu bertemu, jadi penulis pun tergesa-gesalah ke rumahnya. Apabila menemui beliau tidak ada perkara penting yang dibincangkan, tetapi Tan Sri A Samad mengajak ke sebuah pasaraya. Beliau sekadar mengajak minum air batu campur (ABC) di gerai minum di bahagian bawah pasaraya itu. Selepas selesai sahaja minum dalam kira-kira setengah jam, beliau terus mengajak balik.

Sikap beliau memang kelihatan aneh, tetapi itulah cara hidup Tan Sri A Samad yang masih terikat dengan karektor seorang seniman sekali pun sudah mencapai kedudukan dalam kerjaya politiknya. Bukan sahaja sekadar minum ABC, malah kalau bergunting rambut pun beliau akan balik ke Seremban. Tan Sri A Samad lebih selesa dengan tukang gunting rambut yang menjadi pilihannya sejak masih berkhidmat di Negeri Sembilan lagi. Memang karektor beliau kelihatan aneh apabila beliau turun ke Seremban semata-mata mahu bergunting rambut sahaja.

Di samping bergunting rambut, Tan Sri A Samad juga membeli minyak rambut tidak di Kuala Lumpur. Beliau akan turun ke Seremban hanya untuk membeli 'brand' minyak rambut kebiasaannya di kedai tertentu sahaja. Bagaimana pun penulis tidak akan bertanya apa-apa kepadanya mengenai sikap aneh demikian, kerana memang penulis memahami gaya hidup golongan seniman, begitulah. Kalau tidak menceburkan diri dalam politik, memang beliau bercita-cita mahu

menjadi pelukis dan sasterawan. Dalam tahun 1950-an beliau menulis novel 'Perajurit' diterbitkan oleh Malay Press, Kuala Pilah tetapi naskhah novel tersebut tiada lagi dalam simpanannya.

Sewaktu masih menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan beliau telah membawa seorang pelukis dari Indonesia dikenali sebagai Pak Yanto bagi mengajar sesiapa yang berminat mahu menjadi pelukis potret. Minat Tan Sri A Samad dalam bidang seni lukis inilah mendorong beliau membawa Pak Yanto (Allahyarham) berhijrah ke sini, di samping ramai kawan-kawannya terdiri daripada kalangan pelukis tanah air termasuk juga Dato' Ismail Zain. Disebabkan minatnya dalam bidang seni lukis, kadangkala beliau akan mengajak penulis sengaja berjalan-jalan menjengah tempat pelukis-pelukis di Pasar Seni.

Beliau juga pernah menghabiskan masa bergaul dengan pelukis-pelukis jalanan ketika berkunjung di Anchor, Jakarta kerana terpicat dengan kanvas dan warna. Malah sewaktu pejabat Bank Pembangunan (ketika itu beliau pengerusinya) terletak di bangunan KOSAS, Tan Sri A Samad tidak kekok bergaul mesra dengan pelukis-pelukis jalanan di sekitar Jalan Masjid India semata-mata keinginannya mahu mendekati kehidupan para pelukis. Tetapi apabila ditanya oleh rakan-rakan apa yang dibuatnya selepas tidak menjadi menteri, beliau akan segera menjawab 'melahu'. (Bagi masyarakat di Negeri Sembilan 'melahu' bermakna 'menganggur').

Dalam tempoh Oktober 1980 menjelang pilihanraya 1982, Tan Sri A Samad kembali aktif menulis artikel untuk akhbar Utusan Melayu. Antara saranannya yang mendapat perhatian kerajaan ialah mencadangkan nama 'Jalan Pekeliling' ditukar kepada 'Jalan Tun Razak' sebagai simbolik jalan tersebut paling panjang melingkari kotaraya Kuala Lumpur seolah-olah dalam dakapan Allahyarham Tun Razak. Artikelnya mengenai cara pengiraan dalam pilihanraya yang memakan masa terlalu lama juga dapat menarik perhatian kerajaan dengan menukar kepada mengira undi terus di tempat mengundi.

Model pengiraan undi dilakukan di tempat pengundian ini sebenarnya selepas beliau melihat perjalanan pilihanraya di Indonesia. Sistem pengiraan undi dilakukan di tempat pengundian ternyata berkesan serta lebih cepat mendapat keputusannya berbanding dengan dikumpulkan semua kertas undi di pusat pengiraan. Apa lagi sekiranya tempat pengundian terletak jauh dari pusat pengiraan seperti keadaan

geografi di Sabah dan Sarawak. Justeru cadangan Tan Sri A Samad melalui artikel yang ditulisnya ternyata lebih praktikal setelah pihak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) berjaya melakukannya dengan berkesan.

Pernah juga Tan Sri A Samad menulis artikel di Mingguan Malaysia bertajuk '*Apakah Hidup Menteri Mewah?*' yang tersiar pada 22 Februari 1982. Secara tidak langsung beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir yang bercadang mahu mengurangkan gaji para menteri apabila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri. Sebelum itu CUEPECS kesatuan sekerja kaki tangan kerajaan sudah membuat komen tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengurangkan gaji menteri-menteri kabinet.

Tetapi di sebalik artikel tersebut sebenarnya, Tan Sri A Samad menghadapi masalah dengan tuntutan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mendesak beliau segerakan pembayaran cukai pendapatan yang tertunggak. Jauh di lipatan hatinya beliau bukan sengaja mahu mengelak daripada menunaikan tanggungjawab membayar cukai pendapatan, tetapi cara pegawai terbabit mendesaknya seolah-olah tidak menghargai sumbangan beliau selama ini sebagai seorang bekas menteri kabinet. Dalam artikel tersebut Tan Sri A Samad menulis:

"...Dari apa yang telah saya lalui sejak menjadi wakil rakyat 1955 dan menjadi ahli Exco di Negeri Sembilan termasuk lima tahun menjadi Timbalan Menteri Besar dan sebelas tahun menjadi menteri, yang ada pada saya hanya sebuah rumah yang sederhana. Itu pun saya dapati daripada pinjaman dari wang kerajaan sepuluh tahun yang lalu.

"Selain daripada itu tidak satu harta pun yang ada, ke manalah perginya wang gaji yang dikatakan banyak itu tidaklah saya tahu. Mujurlah telah ada skim pencen bagi wakil rakyat, kalau tidak apabila berhenti terpaksa merah keringat kembali untuk makan pakai seharian.

"Janganlah memandang indahnyanya kehijauan gunung ganang dari jauh, cubalah datang dekat dan mendakinya. Kalau mahu tahu beratnya batu, cubalah galas di bahu: Kerana apa yang diterima oleh seorang menteri bertepatan seperti bidalan 'besar periuk besar pulalah keraknya; besar tiang besarlah pasaknya, besar kayu besarlah dahannya'.

"Bagi saya beberapa bulan setelah bersara pada akhir tahun lalu, saya telah menerima notis dari Jabatan Hasil Dalam Negeri di mana saya mesti menjelaskan baki cukai pendapatan saya termasuk tahun 1980 sebanyak lebih daripada RM (\$)50,000. Meski pun pada setiap bulan sebelumnya gaji saya dipotong RM3,000 sebulan untuk membayar cukai pendapatan, tetapi angka RM3,000 itu tidak mencukupi bagi menjelaskan cukai pendapatan saya setiap tahun.

"Begitu juga kemudahan yang didapati oleh para menteri dengan beberapa orang pekerja, air, api dan telefon percuma - semuanya itu dianggap sebagai satu kemudahan. Maka para menteri terpaksa membayar cukai pendapatan daripada gaji-gaji yang diterima oleh pekerja-pekerja tersebut..."

Justeru melalui bidang penulisan Tan Sri A Samad masih boleh menggunakan mata penanya mengkritik kepincangan dalam masyarakat terutama kerenah birokrasi yang masih menguasai sistem pentadbiran. Boleh dikatakan setiap minggu rencana-rencana tulisan Tan Sri A Samad disiarkan melalui Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Utusan Melayu dan Utusan Zaman. Seperkara yang menjadi keunikan beliau menulis rencana ialah mahukan pelukis Nan (ketika itu berkhidmat di syarikat Utusan Melayu) melukiskan karikultur untuk rencananya yang disiarkan.

Tan Sri A Samad akan datang sendiri ke syarikat Utusan Melayu menemui Nan bagi membincangkan lakaran karikultur tersebut. Justeru semua rencana beliau yang disiarkan memang terdapat karikultur yang dilukis oleh Nan sebagai hiasan bagi menerangkan isi yang tersirat di dalam rencana berkenaan. Boleh dikatakan masa terluangnya selepas tidak lagi menjadi menteri digunakan untuk menulis rencana, di samping membuat penyelidikan bagi menyusun buku-buku yang berkaitan dengan sejarah perjuangan Umno.

Tidak lama selepas 'melahu' (mengikut istilah yang digunakan oleh Tan Sri A Samad) penulis mendapat tahu beliau sudah diberi tugas menjadi Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia menggantikan Tun Syed Nasir Ismail (Allahyarham), yang dilantik menjadi Speaker Dewan Rakyat berikutan kematian Tan Sri Nik Ahmad Kamil. Ketika itu pejabat beliau terletak di bangunan MOCCIS, di samping sudah mempunyai pemandu kereta yang dibawa dari Jakarta melalui seorang kawannya di sana dikenali Pak Kassim.

Di samping memegang jawatan Pengerusi Bank Pembangunan, Tan Sri A Samad juga diberi tugas sebagai Pengerusi Kraftangan Malaysia. Selepas diberi tugas oleh kerajaan dalam agensinya, beliau kembali sibuk dengan jawatan barunya sama seperti ketika menjadi menteri juga. Apabila Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menubuhkan Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi memaju dan mempertingkatkan industri perfileman, beliau telah melantik Tan Sri A Samad menjadi pengerusinya.